

Wajar atau tidak manusia didagangkan?



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaiton.mohamad@yahoo.com

4B 29-02-2012 B4

PERNAHKAH anda terlibat dengan aktiviti pemerdagangan orang? Mungkin soalan itu sukar untuk dijawab dan malah terasa lucu kerana secara lumrahnya manusia sememang tidak boleh dijual beli. Ini disebabkan secara perundangannya setiap manusia adalah bebas dan berhak ke atas diri sendiri. Namun pada zaman moden sebegini isu pemerdagangan orang telah timbul semula. Mungkin ramai yang tidak mengetahui bahawa pemerdagangan orang telah berlaku semenjak sebelum Islam muncul di dunia.

Malah pada waktu itu jual beli orang yang lebih dikenali sebagai hamba abdi adalah satu perkara

biasa dan sesiapa yang kaya boleh diukur dengan berapa orang hamba abdi yang dimilikinya. Sejarah juga ada mengatakan pada waktu perhambaan itu mereka dilayan secara kasar dan tidak berperikemanusiaan. Mungkin pada waktu itu lebih kepada ciri-ciri kebinatangan dalam mengawal hamba abdi. Malah orang-orang yang menjadi hamba dipaksa untuk bekerja siang dan malam tanpa diberikan rehat yang secukupnya dan makan makanan yang tidak mengandungi khasiat. Oleh sebab itu pakaiannya juga tidak diberikan. Maka selepas kewujudan agama Islam maka perhambaan sesama manusia telah dihapuskan malah setiap manusia adalah sama hak dan taraf kecuali iman dan takwa di sisi Allah.

Namun pemerdagangan orang dan penyeludupan migran sekali lagi telah timbul pada era globalisasi. Penyalahgunaan

perkembangan pesat dalam teknologi telah memberikan kesan negatif kepada masyarakat dalam jangka masa panjang. Mengikut istilah umum pemerdagangan manusia adalah perdagangan dan perniagaan yang melibatkan pergerakan, penyeludupan atau pergerakan manusia yang melewati sempadan negara secara tidak sah di sisi undang-undang. Ini termasuklah eksploitasi buruh secara sah dan juga secara paksa yang didalangi oleh sindiket tempatan dan antarabangsa secara terancang dan licik. Penyeludupan dan pemerdagangan manusia ini boleh berlaku dengan mudah akibat daripada perbezaan taraf pencapaian ekonomi serta taraf hidup masyarakat serta tahap pendidikan yang berbeza di antara negara khususnya negara yang berjiran. Ini akan menjadi lebih mudah sekiranya sesebuah negara lemah dalam mengawal sempadan

darat dan laut. Malaysia adalah salah sebuah negara yang telah disenarai hitamkan dalam 'watch list' oleh Amerika Syarikat iaitu pernah dikelaskan pada tahap 3, tetapi dengan pengenalan kepada 'anti-trafficking in person' (ATIP) pada tahun 2007 telah mengubah kedudukan Malaysia kepada tahap 2 pada Jun 2010.

Pengenalan ATIP ini sedikit banyak telah membuka laluan dalam usaha membasmi dan mencegah penyeludupan masuk pendatang khususnya bagi tujuan pemerdagangan manusia ke luar negara. Usaha penangkapan, pendakwaan dan perlindungan dapat dijalankan dengan lebih berkesan dengan apa yang dinyatakan dalam garis panduan perlindungan antarabangsa UNHR Protocol (PALEMOR Protocol).

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa sehingga 1 Januari 2012

seramai 941 orang telah berjaya ditangkap. Kebanyakannya adalah wanita dan golongan lelaki juga tidak terkecuali kerana tertipu dalam mencari peluang pekerjaan. Justeru itu sekali lagi penulis melihat isu pemerdagangan orang perlu diberikan keutamaan dan sebagai orang yang dilantik sebagai Ketua Sekretariat Majlis Timbalan Naib Canselor HEPA yang bertugas di Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Sabah menganjurkan Kempen Kesedaran Mengenai Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran bekerjasama dengan Majlis Timbalan Dekan (HEPA) dan Institut Kajian Antarabangsa dan Malaysia Universiti Kebangsaan Malaysia pada 29 Februari 2012 bertempat di Auditorium Pasca Siswazah Universiti Malaysia Sabah bermula jam 8 pagi hingga 2 petang selepas konvensyen pertama iaitu Jenayah Siber dan

Pemerdagangan orang pada 26 Ogos 2010.

Justeru itu diharap melalui kempen sebegini dapat membantu menyedarkan golongan mahasiswa supaya tidak mudah terpesona dan terpedaya dengan janji-janji manis orang yang tidak dikenali, terutamanya yang ingin menawarkan pelbagai kemudahan pelancongan, kemewahan wang ringgit dan sebagainya. Sebaliknya golongan mahasiswa harus bijak dalam membuat interpretasi di sebalik janji-janji yang ditaburkan kepada mereka. Oleh yang demikian diharap dengan adanya kempen berkenaan dapat membuka minda generasi baharu bahawa kelemahan diri sendiri boleh mendorong kepada jenayah global kerana golongan pemangsa senantiasanya ada di kalangan manusia.

* Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP, UMS